

Krisis adat: Aduan dibuat kepada polis

31.387

SEREMBAN, Isnin — Baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin membuat aduan polis terhadap kenyataan pengamal-pengamal adat di Luak Tampin.

Jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof Raja Othman, berkata bellau sendiri membuat aduan itu di Ibu Pejabat Kontingen Polis Negeri di sini, pada 23 Mac lalu.

Bellau menggariskan dua sebab utama mereka berbuat demikian, iaitu:

- Kenyataan pengamal-pengamal adat berkenaan dianggap sebagai satu 'ancaman' kepada pihaknya.

- Pengamal-pengamal adat itu tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kenyataan yang mereka buat kerana mereka tidak memperkenalkan slapa diri mereka sebenarnya.

Raja Mohd Yusof sekali lagi mengulangi kesediaannya berdialog dengan pengamal-pengamal adat di Luak Tampin bagi menjelaskan kedudukan sebenar berhubung soal tuntutan mereka untuk mendapatkan semula hak kebesaran memerintah sebagai Raja di luak itu.

Bellau berharap dapat mengemukakan bukti-buktih sahli bagi mengesahkan

Oleh BUSTAMAM AHMAD

rap la dapat dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Tampin," katanya dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini.

Serentak itu, bellau mengulangi bawaan bukti-buktih yang dianggap sahli oleh pihaknya bukannya catatan sejarah semata-mata, tetapi adalah di dalam bentuk surat-surat asal pelbagai perjanjian.

Antaranya termasuk surat perjanjian kemerdekaan Rembau bertarikh 20 Januari 1832 dan perjanjian sempadan Tampin/Rembau-Melaka bertarikh 9 Januari 1833, tambahan.

Raja Mohd Yusof berkata, pihaknya tidak menafikan hak pengamal-pengamal adat berkenaan membuat ulasan mengenai perjalanan adat kerana kewujudan Yam Tuan Raja Ali adalah di atas restu Adat Perpatih sendiri.

Menurutnya, asas itu jugalah yang mendorong pihaknya membuat tuntutan supaya hak, kuasa dan kedaulatan untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin dikembalikan kepada